

09/05/2002

Ku Li dicabar bukti dakwaan gadai tanah

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Rabu - Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, dicabar mengemukakan bukti berhubung dakwaan kerajaan Pas Kelantan menggadai tanah dianggar seluas 50,000 hektar di beberapa kawasan di Hulu Kelantan kepada syarikat swasta.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau menyifatkan kenyataan Tengku Razaleigh itu sebagai fitnah yang bertujuan mengabui pemikiran rakyat.

Beliau berkata, cerita konon kerajaan negeri menggadai tanah seperti dilakukan kerajaan Pas lebih 20 tahun lalu sengaja ditimbulkan Tengku Razaleigh.

"Saya nak minta Ahli Parlimen Gua Musang (Tengku Razaleigh) membuktikan Kelantan masa saya sekarang (sebagai Menteri Besar) ada menggadai tanah... apa buktinya?

"Jangan cakap semata-mata nak mengabui pemikiran rakyat dalam bahagian politik. Politik adalah perkara penting yang tak boleh kita kelabukan (kelirukan) kerana di akhirnya kita dicemuh rakyat.

"Saya nak nyatakan tidak ada satu inci pun tanah Kelantan yang saya gadai. Saya berani cabar dia (Tengku Razaleigh) kalau dia nak cabar sangat saya," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini, hari ini.

Ketika berucap pada majlis Pidato Perdana di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dabong minggu lalu, Tengku Razaleigh mendakwa kerajaan Pas Kelantan mengulangi perbuatan menggadai tanah di beberapa kawasan di Hulu Kelantan.

Katanya, perbuatan itu seperti apa yang pernah dilakukan lebih 25 tahun lalu kepada berpuluh-puluh syarikat swasta, konon untuk projek pembangunan ladang kelapa sawit.

Beliau mendakwa, tindakan itu ada kaitan dengan kedudukan kewangan kerajaan negeri yang semakin meruncing sehingga terdesak mengambil keputusan menggadai tanah terbabit yang dianggar seluas 50,000 hektar.

Katanya, sebelum Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan di Kelantan pada 1980, kerajaan Pas ketika itu pernah menggadai tanah di Hulu Kelantan seluas 380,000 hektar kepada sebuah syarikat asing di Singapura.

Ditanya adakah kerajaan negeri mahu memajukan tanah seluas kira-kira 50,000 hektar di Hulu Kelantan dengan kelapa sawit jika kenyataan Tengku Razaleigh itu disifatkan fitnah, Nik Abdul Aziz mengakui kerajaan negeri mempunyai rancangan memajukan tanah terbabit.

Bagaimanapun, beliau menafikan tanah itu digadai bagi tujuan berkenaan kepada syarikat swasta.

Katanya, kerajaan negeri memberi tanggungjawab kepada agensi kerajaan seperti Yayasan Kelantan Darulnaim (Yakin), Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk memajukan kawasan itu.

"Kita beri tanah ini kepada agensi kerajaan negeri dalam tempoh tertentu dan ada bayaran, bukan sekali-kali gadai. Agensi kerajaan ini bekerjasama dengan swasta untuk majukan tanah itu," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mencabar kerajaan Pas Kelantan menunaikan janji melaksanakan pembangunan di negeri itu seperti dilakukan kerajaan BN di negeri lain, beliau berkata kerajaan negeri yang sepatutnya mencabar Kerajaan Pusat.

Katanya, pembangunan tetap berlaku di Kelantan termasuk yang dilaksanakan Kerajaan Pusat seperti pembinaan sekolah, klinik, jalan raya

dan jambatan.

"Bagi kerajaan negeri, projek pembangunan dilaksanakan mengikut peruntukan dan kemampuan kewangan yang ada.

"Kami di pihak kerajaan negeri tengok ada sekolah, klinik, jalan raya dan jambatan baru dibina oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat belanja begitu banyak di Kelantan dan pembangunan pun ada, tiba-tiba kata tak ada... ini yang jadi pelik.

"Kalau tak ada pembangunan, yang duit dibelanjakan selama ini buat apa? Kerajaan Pusat mana boleh cabar negeri kerana memang berlaku pembangunan di Kelantan yang Kerajaan Pusat sendiri membelanjakannya," katanya.

(END)